

**EGM MCA lulus usul pemimpinnya pegang jawatan kerajaan  
Malaysian Insider  
Feb 23, 2014  
OLEH The Malaysia Insider**

Selepas terhenti kira-kira sembilan bulan, MCA bersedia untuk memegang semula jawatan dalam kerajaan selepas hampir keseluruhan ahlinya bersetuju agar pemimpin mereka berbuat demikian.

Walaupun ada protes menjelang Mesyuarat Agung Luar Biasanya (EGM) hari ini, 1,913 daripada 1922 perwakilan menyokong pemimpin mereka menerima jawatan pusat, negeri dan kerajaan tempatan.

Hanya lima perwakilan mengundi menolak cadangan itu.

Semua pemimpin kanan parti BN itu memutuskan untuk menolak jawatan kerajaan selepas pencapaian buruk mereka dalam Pilihan Raya Umum ke-13 lalu apabila mereka hanya menang tujuh daripada 37 kerusi persekutuan dan 11 daripada 90 kerusi negeri yang mereka tandingi.

Walaupun mendapat sokongan dari ahli-ahli parti itu, presiden MCA yang baru dilantik, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, pemimpin tidak akan tergesa-gesa untuk kembali ke kabinet.

"Kami ada Pilihan Raya Kecil (PRK) Kajang yang akan dihadapi dan masih banyak isu di kalangan masyarakat Cina serta umum yang perlu diselesaikan.

"Jadi, kami akan menyeberang jambatan apabila masa telah sampai," katanya dalam sidang media selepas EGM hari ini.

Liow, Ahli Parlimen Bentong bersama timbalannya, Datuk Wee Ka Siong hampir pasti dilantik ke dalam kabinet.

Spekulasi bertiup kencang parti Cina itu akan mendapat tiga kerusi menteri dan maksima empat kerusi timbalan menteri jika berlakunya penyusunan semula kabinet.

Sebelum ini, MCA mendapat empat kerusi menteri dan tujuh timbalan menteri.

Sekarang, menteri pengangkutan dipangku oleh Datuk Sri Hishammuddin Hussein.

Liow berkata, keputusan positif menunjukkan majoriti ahli memberikan sokongan bagi memastikan MCA boleh meneruskan khidmatnya kepada orang ramai.

"Kami akan vokal dan memberikan komitmen kepada semua," janjinya.

EGM hari ini bukan berjalan tanpa kontroversi.

Sejak Khamis lalu, kira-kira 10 ahli akar umbi membawa poster dan duduk membuat protes di depan ibu pejabatnya di Kuala Lumpur menekannya masa tidak sesuai untuk pemimpinnya menerima jawatan kabinet.

Bekas presiden Datuk Seri Chua Soi Lek dan bekas naib presiden Gan Ping Sieu juga melahirkan kebimbangan dengan masa EGM, yang akan mengganggu persiapan MCA kepada PRK Kajang 23 Mac ini disamping cara resolusi itu disediakan.

EGM hari ini diadakan empat bulan selepas EGM 20 Oktober yang menyaksikan ahli mengundi untuk membolehkan pemimpin mereka menyertai semula kerajaan di peringkat negeri dan daerah tetapi menentang pemimpin mengambil sebarang jawatan kabinet.

Sebelum pengundi hari ini bermula, peguam dan timbalan pengerusi biro Bahasa Inggeris Negeri Sembilan membuat protes melawan EGM ini, menyatakan notis yang dihantar kepada perwakilan cacat. Bagaimanapun ia ditolak oleh speaker Datuk Yik Phooi Hong.

Kira-kira 400 perwakilan, yang diketuai naib presiden Datuk Chua Tee Yong, juga mahu undi dibuat secara sulit tetapi ditolak oleh perwakilan yang lain selepas ia diundi.

Ini menyebabkan Gan mendakwa 400 perwakilan ini meninggalkan majlis tanpa mengundi tetapi dakwaan ini dinafikan oleh kepimpinan utama MCA.

"Tak betul, tiada perwakilan yang lari. Saya tidak akan membuat spekulasi berdasarkan khabar angin, mesyuarat berjalan dengan efektif," kata Liow manakala Wee pula berkata mungkin ada antara mereka mahu pergi tandas atau menghisap rokok.

Setiausaha Agung Datuk Ong Ka Chuan berkata, sebelum ini sudah dua kali parti membuat keputusan tidak mengambil jawatan dalam kerajaan melalui undian cara angkat tangan dalam EGM yang lepas, oleh itu EGM kali ini mereka mengikut prosedur yang sama.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/egm-mca-lulus-usul-pemimpinnya-pegang-jawatan-kerajaan>